

TARIKH	23 / 10 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	16	RUANGAN	Nasional

Jaga kesihatan diri: Seri Paduka

» *Pemimpin negara asing kagum, puji jemaah kita*

■ **Makkah**

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah semalam menasihatkan jemaah haji Malaysia supaya menjaga kesihatan untuk menunaikan rukun haji utama, Wukuf di Arafah pada Khamis ini.

Baginda bertitah ibadat bermalam di Muzdalifah dan melontar Jamrah di Mina juga adalah rukun haji dan perjalanan ke arah itu, memerlukan tuntutan fizikal dan ke-rohanian yang tinggi.

"Beta dan Raja Permaisuri amat gembira dapat meninjau sendiri keadaan jemaah haji

Malaysia yang kelihatan sihat dan bersedia untuk berwukuf," titah Tuanku Abdul Halim ketika melawat ibu pejabat Tabung Haji di Bangunan Abraj Al-Janadriah, di sini.

Turut berangkat Raja Permaisuri Agong, Tuanku Hajah Haminah Hamidun.

Terima cendera hati

Seri Paduka juga menerima cendera hati daripada Ketua Muassasah Asia Tenggara Sheikh Zuhair Al Sandayu iaitu sebahagian daripada kiswah (kain yang menutupi Kaabah) yang disalin baru-baru ini.

Tuanku Abdul Halim turut melahirkan rasa gembira kerana dapat beramah mesra dengan jemaah dan petugas Tabung Haji Malaysia ketika berada di Tanah Suci.

Seri Paduka juga mengucapkan syabas kepada Tabung Haji di atas usaha berterusan

badan itu memberi dan menambah baik perkhidmatan kepada semua jemaah Malaysia.

Pandang tinggi

"Ramai pemimpin negara asing dan juga Kerajaan Arab Saudi kagum dan memuji serta memandangi tinggi sikap dan perwatakan jemaah Malaysia sehingga ada yang menyatakan jemaah Malaysia adalah yang terbaik dalam kalangan jutaan jemaah lain," titah baginda.

Seri Paduka bertitah pengiktirafan itu membuktikan kejayaan Tabung Haji melaksanakan amalan terbaik dan membudayakan kerja cemerlang dalam usaha membantu tetamu Allah memperoleh Haji Mabrus.

Seri Paduka berdua tiba ke Tanah Suci pada Jumaat lalu bagi menunaikan ibadah haji Tamattuk.

BERNAMA

“**Ramai pemimpin negara asing dan juga Kerajaan Arab Saudi kagum dan memuji serta memandangi tinggi sikap dan perwatakan jemaah Malaysia sehingga ada yang menyatakan jemaah Malaysia adalah yang terbaik dalam kalangan jutaan jemaah lain**”

Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah,
Yang di-Pertuan Agong